

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HKT 322/421 Teori Dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN  
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] dari Bahagian A dan **DUA** [2] dari Bahagian B.

**Bahagian A:**

1. Bincangkan bagaimana nasionalisme mempengaruhi corak disiplin Kesusasteraan Bandingan dalam zaman awalnya di Eropah. Seterusnya, jelaskan bagaimana disiplin ini dicorakkan pula oleh perspektif imperial yang berkembang kemudiannya.
2. *Comparative literature is the comparison of one literature with another or others, and the comparison of literature with other spheres of human expression.*

Definisi Kesusasteraan Bandingan di atas merumuskan pandangan umum salah satu dari dua sekolah pemikiran utama dalam disiplin tersebut. Bincangkan definisi ini dengan menonjolkan ciri-ciri utama sekolah pemikiran berkenaan. Kemudian, jelaskan secara ringkas bagaimana sekolah pemikiran ini berbeza dari sekolah pemikiran yang satu lagi.

3. **SAMA ADA**

- [a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat, bincangkan untung nasib, corak dan peranan disiplin Kesusasteraan Bandingan dalam era pasca-kolonial, khususnya di Asia dan Afrika.

**ATAU**

- [b] Dengan merujuk kepada contoh-contoh karya yang bersesuaian,uraikan cara kerja pendekatan konsentrik dalam Kesusasteraan Bandingan. Kemudian, bincangkan kelebihan dan kekurangan pendekatan ini.

**Bahagian B:**

4. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan pendekatan genetik dalam Kesusasteraan Bandingan. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan tiga pola kajian di dalam pendekatan genetik. Kemudian, bandingkan pendekatan ini dengan pendekatan tematik.
5. Kajian periode adalah sebahagian daripada kajian yang bercorak sejarah sastera. Berdasarkan pernyataan ini, dan dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat, bincangkan fenomena-fenomena berikut:

[ i] Pergerakan.

[ ii] Angkatan.

[iii] Aliran.

6. Sastera dan filem adalah dua ciptaan seni yang mempunyai banyak persamaan dan perbezaan. Persamaan-persamaan yang wujud membolehkan karya sastera diadaptasikan ke dalam bentuk filem dan sebaliknya. Bincangkan persamaan dan perbezaan itu dan kemukakan dua pandangan yang berbeza tentang bagaimana seharusnya karya sastera diadaptasikan ke dalam bentuk filem.